

SATU KAJIAN KUALITATIF DALAM PEMBINAAN POLISI
PERCECUALIAN JAM KREDIT SUATU PANDUAN UMUM
UNTUK PELAJAR DIPLOMA DARI POLITEKNIK YANG
MEMOHON MASUK SECARA TERUS KE PERINGKAT
PENGAJIAN SARJANA MUDA DI KOLEJ UNIVERSITI
TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

CAROLINE DAME SIAGIAN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUi TTHO



3 0000 00078541 4



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS *

JUDUL : Satu Kajian Kualitatif Dalam Pembinaan Polisi Pengecualian Jam Kredit Suatu Panduan Umum Untuk Pelajar Diploma Dari Politeknik Yang Memohon Masuk Secara Terus Ke Peringkat Pengajian Sarjana Muda Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SESI PENGAJIAN : 2001 / 2002

Saya CAROLINE DAME SIAGIAN (790330-12-5594)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM / Sarjana / Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan petukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



Carol S
(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : Peti Surat 509,
89508 Tuaran,
Sabah, Malaysia.

Nama Penyelia : PROF. MADYA DR
ZULKIFLI BIN
MOHAMED

Tarikh : _____

Tarikh : 24 SEPTEMBER '02

- CATATAN :
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh Tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)



Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim

BORANG PENGESAHAN PEMERIKSA SIDANG VIVA
Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

1. Borang ini hendaklah diisi oleh **Pelajar** dalam **Dua** salinan sebelum sidang viva.
2. Serahkan borang ini kepada **Pemeriksa** semasa sidang viva.
3. **Pemeriksa** menyerahkan borang-borang yang telah diisi kepada **Penyelaras**.


Nama: Caroline Dama Siagian Tarikh: 19/09/2002


Pembimbing: P. M. Dr. Zulkifli

Tajuk Projek Kajian: Pembinaan Polisi Pengeluaran Jan Kredit Suatu Panduan Umum Untuk Pelajar Diploma Dari Politeknik Yang Memohon Masuk Secara Terus ke Peringkat Pengajian Sarjana Muda di Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

	Keputusan	Ulasan
LULUS	<input type="checkbox"/>	
LULUS BERSYARAT	<input checked="" type="checkbox"/>	<u>Perlu ubah laporan ilcut PSV.03</u>
GAGAL	<input type="checkbox"/>	

Tandatangan Pemeriksa:

Pemeriksa Pertama: Dr. MAZAN ALIAS 
Nama Tandatangan

Pemeriksa Kedua: AJAN B. HAJI HUSSEN 
Nama Tandatangan

Pengesahan Penyelia

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional ”.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tandatangan :

Nama Penyelia : **PROFESOR MAQUA DR. ZULKIFLI MUTHAMMED**
.....

Tarikh : **24 SEPTEMBER 2002**
.....

**Satu Kajian Kualitatif Dalam Pembinaan Polisi Pengecualian Jam Kredit Suatu
Panduan Umum Untuk Pelajar Diploma Dari Politeknik Yang Memohon
Masuk Secara Terus Ke Peringkat Pengajian Sarjana Muda Di Kolej Universiti
Teknologi Tun Hussein Onn**

CAROLINE DAME SIAGIAN

**Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Voaksional**

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER, 2002



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

“ Saya akui Projek Sarjana yang bertajuk : **Satu Kajian Kualitatif Dalam Pembinaan Polisi Pengecualian Jam Kredit Suatu Panduan Umum Untuk Pelajar Diploma Dari Politeknik Yang Memohon Masuk Secara Terus Ke Peringkat Pengajian Sarjana Muda Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn** adalah hasil kerja saya kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan :

Nama Penulis : CAROLINE DAME SIAGIAN

(GT010200)

Tarikh : SEPTEMBER, 2002



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Dedikasi

*To Pa, Ma
Brother and Sister
with Love and Respect*



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN KU TUN AMINAH

Penghargaan

Saya bersyukur kepada Tuhan atas berkat dan bimbinganNya kepada saya sehingga saya dapat menyiapkan Projek Sarjana MTT 2804 mengikut perancangan dengan jayanya.

Dengan kesempatan ini, saya merakamkan ikhlas dan terima kasih yang teramat kepada pensyarah penyelia Projek Sarjana, Prof. Madya Dr. Zulkifli Bin Mohamed kerana telah membantu saya menyiapkan Projek Sarjana ini. Segala tunjuk ajar, teguran dan ilmu yang diberikan amatlah dihargai dan disanjung tinggi. Semoga Tuhan membalas keikhlasan serta melimpahi kerahmatan dan ganjaran kepada beliau.

Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak UTM dan UMS yang sanggup berkerjasama dan memberikan layanan yang begitu baik sekali semasa ditemu bual.

Terima kasih juga kepada responden-responden yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah KUiTTHO yang sudi meluangkan masa bagi menjayakan Projek Sarjana ini.

Terima kasih juga kepada Juruteknik terutamanya Encik Daud yang sentiasa bersedia memberikan kerjasama, jasmu amatlah dihargai.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan Projek ini.

Abstrak

Kajian kualitatif ini adalah bertujuan untuk (i) mengkaji polisi pengecualian jam kredit bagi KUiTTHO dan beberapa universiti tempatan dan luar negara, (ii) merangka semula polisi pengecualian jam kredit untuk KUiTTHO dan (iii) menilai pelaksanaan penggunaan polisi pengecualian jam kredit yang dirangka. Kajian pengecualian jam kredit merangkumi penganalisan dokumen iaitu memfokus kepada kelengkapan dan kejelasan prosidur. Ini membawa kepada proses merangka semula polisi KUiTTHO. Antara kaedah yang dilakukan ialah mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan daripada pelbagai pihak di KUiTTHO yang terlibat dalam pembinaan polisi. Beberapa cadangan perubahan dibangkitkan untuk memperbaiki polisi KUiTTHO yang digunakan pada masa kini. Antara perubahan tersebut ialah (i) menambah carta alir, (ii) borang permohonan yang mudahguna dan (iii) maklumat lanjutan bagi prosidur permohonan. Produk yang dihasilkan (rangka polisi pengecualian jam kredit) diuji. Kertas soal selidik berstruktur dan temu bual digunakan untuk proses pengujian. Data yang diperolehi melalui proses mengkod dan *triangulation*. Walaupun keputusan yang diperolehi tidak muktamad, namun hasil keputusan jelas menunjukkan bahawa polisi baru ini mempunyai potensi yang tinggi untuk diadaptasikan untuk kegunaan semua fakulti di KUiTTHO.



PERPUSTAKAAN UNIKITIUN AMINAH

Abstract

The purpose of this qualitative study is to (i) examine the credit transfer policy at KUiTTHO and other universities locally and abroad, (ii) redesign the KUiTTHO policy for credit transfer and (iii) to evaluate the possibility of implementing the new design. The examining of credit transfer policy involves document analysis, specifically focusing on the comprehensiveness and clarity of the procedures. This leads to the redesign of KUiTTHO's policy. The work involved seeking advice and consultation from various officials engaged with policy making at KUiTTHO. Several changes were suggested to the original KUiTTHO's policy. The changes are (i) the inclusion of flow chart, (ii) simplified data entry forms and (iii) further details on application procedures. The final product (draft of the new policy for credit transfer) was then put into test. Questionnaire and interviews were used as research document in this study. The data were coded and triangulated. Even though the result is still inconclusive, however there are strong indication that the new policy has the potential to be adopted among all faculties at KUiTTHO.



PTIA KUiTTHO
PERPUSTAKAAN TINGKUTIN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
------------	----------------	-------------------

PENGESAHAN STATUS TESIS

PENGESAHAN PENYELIA

HALAMAN JUDUL

HALAMAN PENGAKUAN

ii

HALAMAN DEDIKASI

iii

HALAMAN PENGHARGAAN

iv

ABSTRACT

vi

ABSTRAK

v

HALAMAN KANDUNGAN

vii-x

HALAMAN SENARAI LAMPIRAN

xi

BAB I	PENGENALAN	
--------------	-------------------	--

1.1 Pendahulan

1-4

1.2 Latar Belakang Masalah

4-7

1.3 Persoalan Kajian

7-8

1.4 Objektif Kajian

8-9

1.5 Kerangka Teori

9-10

1.6 Kepentingan Kajian

11

1.7 Batasan Kajian

12

1.8 Definisi Operasional

12-14

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Sejarah Ringkas KUiTTHO	16-17
2.3	Takrifan Polisi Pengecualian Jam Kredit	17
2.3.1	Takrif Polisi	18
2.3.1.1	Tujuan Polisi	19
2.3.2	Takrif Pengecualian Jam Kredit	19
2.3.2.1	Tujuan Pengecualian Jam Kredit	19-20
2.4	Mengapa Pelajar Diploma Ingin Melanjutkan Pengajian Ke Peringkat Lebih Tinggi ?	20
2.4.1	Peluang Melanjutkan Pengajian	20-21
2.4.2	Mendapat Gelaran	21
2.4.3	Kenaikan Pangkat Lebih Mudah	22
2.4.4	Pengaruh Lebih Kuat	22
2.4.5	Perlengkapan Diri	23
2.4.6	Kelebihan Persaingan	23-24
2.5	Membuat Keputusan	24
2.5.1	Pihak KUiTTHO	25-27
2.5.2	Pelajar	27-28
2.6	Jaminan Kualiti	29-30
2.7	MS ISO 9000 Dan Kualiti	30-31
2.8	<i>Stakeholders</i>	32
2.8.1	KPM	32-33
2.8.2	Pihak Industri	34-34
2.9	Teori Harapan	35-36
2.9.1	Harapan Pelajar Diploma Politeknik	36
2.9.2	Harapan KUiTTHO	36-37
2.9.3	Harapan KPM	37-38
2.9.4	Harapan Industri	39
2.10	Teori Beralas	40-41
2.11	<i>Benchmarking</i>	42-43



BAB III METODOLOGI

3.1	Rekabentuk Kajian	44-46
3.2	Peringkat-Peringkat Penyelidikan	47
3.2.1	Peringkat Pertama (Mengumpul Maklumat)	47-48
3.2.2	Peringkat Kedua (Analisis)	49
3.2.3	Peringkat Ketiga (Merangka dan Membangun Prototaip Polisi)	49-50
3.2.4	Peringkat Keempat (Penilaian Prototaip Polisi)	50-53
3.3	Etika Penyelidikan	54
3.3.1	Etika Sulit	54
3.3.2	Etika Keterbukaan	54
3.3.3	Etika Kekuasaan	55
3.3.4	Etika Kebebasan	55
3.4	Kronologi Pelaksanaan Projek	56-57

BAB IV REKABENTUK PRODUK

4.1	Pengenalan	58
4.2	Rekabentuk Produk	59
4.2.1	Bentuk Dan Ciri Produk	59-62
4.2.2	Kronologi Pembinaan Produk	63
4.2.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	64
4.2.4	Dokumentasi Produk	64
4.3	Penilaian Produk	65
4.3.1	Kebolehpercayaan Dan Keesahan	65-66
4.3.2	Perbezaan Keesahan Bagi Kajian Kuantitatif Dan Kualitatif	66-68
4.4	Pemilihan Dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	68-69
4.5	Pemilihan Sampel	69
4.6	Fokus Penilaian	70-72



BAB V DAPATAN KAJIAN

5.1	Perbandingan Universiti Tempatan Dan Luar Negara	73-88
5.2	Penilaian Polisi	89
5.2.1	Polisi Pengecualian Jam Kredit KUiTTHO Pada Masa sekarang	89
5.2.2	Polisi Pengecualian Jam Kredit Universiti Tempatan	90-93
5.3	Perbandingan Polisi KUiTTHO Yang Digunakan Sekarang Dengan Polisi Prototaip	94-97
5.3.1	Perbandingan Ayat Pada Syarat Pengecualian Jam Kredit	97
5.3.2	Perbandingan Proses Perlaksanaan	98-99
5.3.3	Borang Permohonan Pengecualian Jam Kredit	99
5.4	Penilaian Dibuat Berdasarkan Dimensi	100-101
5.4.1	Dimensi Mudahguna Oleh Pelajar KUiTTHO	101-122
5.4.2	Dimensi Bolehguna Oleh Semua Jabatan Di KUiTTHO	122-128

BAB VI KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Kesimpulan	129-131
6.2	Cadangan	131-132

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Perbandingan Universiti Tempatan dan Luar Negara
B	Standard ISO 9001
C	Surat-Surat Berkaitan
D	Produk Yang Dihasilkan : Garis Panduan Pengecualian Jam Kredit
E	Instrumen : Kertas Soalan Berstruktur dan Soalan Temu Bual
F	Data Temu Bual : Tiga Responden 1, 2 dan 3
G	Borang Perjumpaan Pembimbing



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Hasrat untuk mentransfomasikan Malaysia menjadi sebuah negara industri maju pada tahun 2020 bergantung kepada tenaga kerja yang berpendidikan, terlatih dan bermotivasi tinggi. Menyadari akan hakikat bahawa rakyat adalah sumber utama pembangunan, maka Malaysia perlu memberi perhatian yang serius kepada pembangunan sumber yang amat penting ini (Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, 1991). Justeru itu sistem pendidikan dan latihan sepadu dan menyeluruh perlu disusun agar bilangan dan mutu tenaga kerja yang dihasratkan itu terpenuhi.

Selaras dengan strategi pembangunan sumber tenaga berkualiti yang diperlukan, maka salah satu usaha Kerajaan adalah menaiktarafkan Institut Teknologi Tun Hussein Onn dinaikkan (ITTHO) menjadi Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) pada tahun 2001. Penubuhan KUiTTHO bermisikan:



PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN AMINAH

“Untuk Melahir Dan Melatih Ahli Teknologi Dan Profesional Yang Kreatif, Inovatif, Kompeten Dan Bertanggungjawab Serta Mampu Mengaplikasi, Meneroka Dan Meneraju Teknologi Baru Melalui Pengajaran Dan Penyelidikan Bertaraf dunia Yang Bertunjangkan Konsep Tauhid Untuk Kesejahteraan Sejagat”.

Misi yang tegas dan jelas ini tertakrif dalam amalan-amalan akademik oleh segenap lapisan masyarakat di KUiTTHO.

Di samping KUiTTHO beberapa kolej universiti ditubuhkan iaitu Kolej Universiti Teknologi Melaka, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Kolej Universiti Islam Malaysia dan Kolej Universiti Teknologi MARA. Demikian pula dengan unversiti-unversiti swasta seperti Universiti Multi Media, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Petronas. Dalam masa yang sama, kolej-kolej komuniti (KK) turut dibangunkan diseluruh negara, disamping melaksanakan pembangunan beberapa buah politeknik dan sekolah menengah teknik. Usaha yang menyeluruh dan sepadu ini adalah sangat tepat dan sesuai dengan masa. Melalui strategi penubuhan lebih banyak IPTA/S di Malaysia bermakna peluang bagi pelajar untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi dan berkualiti seperti di KUiTTHO adalah lebih luas.

KUiTTHO menawarkan berbagai program ikhtisas kejuruteraan diberbagai peringkat pengajian menjamin bahawa graduan yang hasilkan adalah sesuai dan selaras dengan agenda pembangunan negara. Di samping itu juga KUiTTHO berusaha menyumbang ke arah memenuhi permintaan pasaran tenaga kerja yang berkualiti dalam sektor industri, pembuatan, pembangunan dan pendidikan. Polisi keterbukaan yang diamalkan oleh KUiTTHO serta jaminan mutu yang ditawarkan telah mampu menarik minat ramai pelajar yang ingin menyertai berbagai program yang ditawarkan.

Kajian kualitatif yang dijalankan ini mengarah kepada mengenalpasti secara umum apakah polisi keterbukaan yang diamalkan KUiTTHO ini benar-benar telah dihayati dan diamalkan secara konsisten dan menyeluruh oleh masyarakat KUiTTHO. Secara khusus polisi yang dimaksudkan adalah polisi pengecualian kredit yang diamalkan oleh setiap fakulti di KUiTTHO. Menurut pandangan

penyelidik, polisi pengecualian kredit ini sangat penting kerana ianya merupakan daya tarikan yang tersendiri khususnya bagi calon-calon pelajar pemegang Sijil atau Diploma yang berminat memohon untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di KUiTTHO.

Usaha KUiTTHO memberi pengecualian kredit dari institusi pengajian asal pelajar adalah satu usaha yang murni. Usaha ini mencerminkan bahawa KUiTTHO memberi penghargaan yang tinggi pada pengalaman belajar dan latihan yang telah dilalui oleh pemohon. Pada masa yang sama polisi pengecualian kredit ini juga boleh dilihat sebagai usaha KUiTTHO meletakkan suatu piawaian kualiti dalam menerima calon-calon pelajar yang datang daripada berbagai peringkat dan bidang pengajian. Ini bermakna KUiTTHO tidak mengorbankan kualiti semata-mata mengejar kuantiti. Oleh itu suatu polisi yang jelas dan seragam perlulah diamalkan secara konsisten oleh setiap fakulti di KUiTTHO, di samping ianya memudahkan proses pengecualian kredit dan menjadi daya tarikan kepada pelajar. Bagaimanapun sekiranya tanpa adanya satu polisi yang jelas dan seragam, sudah pasti sukar bagi KUiTTHO bersaing dengan mana-mana IPTA/S lainnya dalam mendapatkan calon-calon pelajar yang sesuai.

Dalam proses mengkaji polisi yang sedia ada, penyelidik mendapati beberapa kekurangan yang boleh diatasi dengan menghasilkan satu polisi yang lebih jelas dan mudah diikuti. Polisi yang lebih ringkas tetapi menyeluruh ini amat penting bagi memudahkan proses permohonan pengecualian kredit. Di samping polisi ini boleh digunapakai oleh pelajar yang memohon, ianya turut membantu Ketua Jabatan Timbalan Dekan, Dekan atau Pegawai Pejabat Pengurusan Akademik, dan Penasihat Akademik pelajar di dalam membuat keputusan ke atas permohonan pelajar. Walaupun idea ini telah berjaya dirumuskan dalam satu dokumen berbentuk Polisi Pengecualian Kredit, namun begitu pengesahan dari segi kandungan perlu diperolehi daripada individu-individu yang terlibat dengan membuat keputusan dan membina polisi KUiTTHO.

Berbagai reaksi telah diberikan individu-individu yang terlibat, dan laporan bersifat diskriptif ini memberi sedikit gambaran sebenar yang terjadi dalam usaha penyelidikan menjalankan kajian kualitatif menghasilkan satu dokumen Polisi Pengecualian Kredit untuk memenuhi projek akhir Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasionalnya di KUiTTHO.

1.2 Latar Belakang Masalah

Menurut amalan di semua politeknik di Malaysia, jumlah bilangan kredit yang wajib diambil oleh semua pelajar diploma dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik ialah 120 kredit. Manakala jumlah bilangan kredit bagi pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di KUiTTHO ialah 131 kredit. Jelas di sini terdapatnya perbezaan yang ketara di dalam pengalaman belajar dalam peringkat pengajian diploma antara politeknik dan KUiTTHO. Ini bermakna pelajar di KUiTTHO perlu menjalani perkuliahan, kerja-kerja amali dan bengkel yang lebih panjang daripada pelajar di politeknik, walhal di akhir pengajian masing-masing pelajar dianugerahkan diploma Kejuruteraan Elektrik.

Bagi calon-calon pelajar berdiploma dari sistem politeknik yang ingin melanjutkan pengajian ke KUiTTHO mereka boleh terus mengikuti program Ijazah Sarjana Muda terus di Tahun Dua. Berbeza pula jika dibandingkan dengan calon-calon dari program Matrikulasi, Sekolah Menengah Akademik (SMA), Sekolah Menengah Teknik (SMT) atau Sekolah Menengah Vokasional (SMV), dan Institut Latihan Kemahiran (ILK). Calon-calon pelajar yang bukan datangnya dari sistem politeknik, mereka diwajibkan mengikuti program pengajian bermula dari semester pertama tahun pertama.

Fenomena ini terjadi melalui proses Pengecualian Jam Kredit. Mana-mana mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat ijazah Sarjana Muda yang mempunyai persamaan dari segi jam kredit dan kandungan silabus layak memohon Pengecualian Jam Kredit melalui prosidur permohonan kerana wujudnya satu polisi yang dinamakan Polisi Pengecualian Kredit. Prosidur pengecualian jam kredit berbeza bagi setiap universiti bergantung kepada polisi universiti masing-masing.

Setiap calon pelajar berdiploma dari sistem politeknik yang ingin melanjutkan pengajian secara terus di KUiTTHO amat berharap segala pengetahuan, kemahiran dan teknikal yang diperolehi di politeknik dapat dikecualikan kredit sepenuhnya. Dengan cara ini, mereka mengharapkan jangka masa proses pembelajaran yang lebih singkat, seperti yang dinyatakan Slavin (1994, p.357) dalam teori harapan (*expectancy theory*), dimana faktor motivasi pelajar untuk memohon pengecualian kredit berkadaran terus dengan produk andaian kemungkinan berjaya (*perceived probability of success*), P_s (permohonan pengecualian kredit maksimum diluluskan) dan nilai insentif sekiranya berjaya (*incentive value of success*), I_s (songsangan tempoh masa pengajian). Dalam kes ini nilai songsang digunakan kerana semakin pendek tempoh pengajian, maka produk motivasinya adalah maksimum, menurut formula atau model harapan iaitu;

$$M = (P_s \times I_s) \dots (1)$$

Mensimulasikan model (1) ini, misalkan tiga orang pelajar dengan kelulusan yang sama masing-masing memohon pengecualian kredit (P_s) yang berbeza dan tempoh pengajiannya (I_s) yang berbeza disingkatkan (songsangan tempoh pengajian), maka tahap tinggi atau rendah motivasi masing-masing pelajar diperlihatkan oleh pekali seperti pada kolom Motivasi seperti pada Jadual 1.1

Jadual 1.1 : Simulasi indeks motivasi tiga pelajar yang memohon bilangan perpindah kredit dan tempoh masa pengajian

Pelajar	P_s (kredit)	I_s (bulan)	Motivasi
A	12	24	0.5
B	6	30	0.2
C	3	36	0.08

Ini bermakna pelajar A menginginkan (bermotivasi tinggi) untuk mendapat pengecualian kredit semaksimum mungkin agar tempoh pengajiannya di KUiTTHO sesingkat mungkin, berbanding dengan pelajar C (bermotivasi rendah).

Walau harapan pelajar yang memohon pengecualian kredit yang semaksimum mungkin, namun adalah sukar bagi mana-mana IPTA/S dan khususnya KUiTTHO untuk membenarkan seseorang pelajar untuk memohon pengecualian bilangan jam kredit secara berlebihan dari “sepatut”-nya. Oleh itu kriteria bagi menentukan bilangan kredit yang “sepatut” inilah yang perlu diformulasikan.

Terdapat beberapa aspek yang dititikberatkan sehingga proses pengecualian kredit tidak boleh dilakukan. Iaitu seperti perbezaan bilangan kredit bagi sesuatu mata pelajaran, perbezaan masa kredit yang merangkumi jumlah masa belajar dan jumlah masa pratikal atau kerja makmal, perbezaan dari segi kandungan silabus dimana kandungan silabus subjek diploma adalah kurang daripada silabus yang disediakan bagi peringkat Sarjana Muda dan dari aspek penilaian. Penilaian yang dimaksudkan dilihat dari segi jumlah peratus yang diperuntukan bagi peperiksaan akhir semester, ujian-ujian, kuiz, tutorial dan makmal.

Oleh yang demikian, KUiTTHO memerlukan satu prosidur atau Polisi Pengecualian Jam Kredit yang boleh dijadikan panduan yang dapat digunapakai untuk memudahkan pengurusan memproses permohonan pengecualian jam kredit bagi calon-calon pelajar Diploma dari Politeknik yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda Kejuruteraan di KUiTTHO.

Menyadari hakikat bahawa KUiTTHO memiliki satu polisi Pengecualian Jam Kredit, penyelidik tertarik untuk mengkaji apakah ciri-ciri polisi ini dari segi kelebihan dan kekurangannya. Ciri-ciri polisi KUiTTHO yang dirumuskan kemudiannya akan dibandingkan dengan polisi-polisi yang sama dari IPTA/S dalam dan luar negara. Melalui perbandingan ini, kekuatan dan kelemahan masing-masing polisi dapat dirumuskan. Rumusan ini akan memandu penyelidik merangka satu polisi baru yang lebih lengkap. Adalah menjadi harapan penyelidik bahawa polisi yang dirangkakan ini kemudiannya dapat kaji semula oleh Pejabat Pengurusan Akademik KUiTTHO untuk pemurnian sebelum polisi ini dapat menggantikan polisi yang sediaada. Pengalaman ini sangat berharga bagi penyelidik dalam menempuh kerjayanya sebagai seorang pensyarah di masa hadapan.

1.3 Persoalan Kajian

Seperti yang telah diperkatakan dalam bahagian latar belakang penyelidikan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar dan juga fakulti disebabkan oleh tiada panduan atau prosidur permohonan pengecualian jam kredit yang mudah ditafsir dan digunakan.

Oleh itu, sebagai panduan kepada penyelidik, satu persoalan umum dikemukakan untuk persoalan kajian ini iaitu “apakah kelebihan dan kekurangan yang ada pada polisi Pengecualian Kredit KUiTTHO berbanding dengan polisi yang sama dari IPTA/S dalam dan luar negara?”. Analisis daripada kajian awal terhadap dokumen tersebut satu polisi baru akan dirangka untuk dijadikan produk penyelidikan ini dan seterusnya diuji oleh bakal pengguna. Ujian terhadap produk ini diharapkan mampu menjawab persoalan khusus kajian iaitu;

1. Adakah polisi baru yang dicadangkan itu memenuhi syarat-syarat KUiTTHO sehingga dapat diterimapakai oleh semua fakulti?

2. Apakah carta alir yang diperkenalkan dalam polisi baru ini cukup berkesan sehingga memudahkan pengguna menggunakan polisi baru ini?
3. Apakah prosidur tambahan iaitu mengisi borang memohon pengecualian jam kredit itu melengkapkan dan memudahkan proses permohonan?

Setiap persoalan khusus ini dijadikan dimensi yang mengandungi beberapa sub soalan atau item-item temu bual sebagai instrumen mengutip data kajian yang dibincangkan dalam Bab 3. Proses pengumpulan data sintesis dimensi-dimensi ini akan dilaporkan pula dalam bab 5 untuk menjawab persoalan-persoalan khusus kajian di atas.

1.4 Objektif Kajian

Seperti yang telah disentuh sebelum ini, secara khusus objektif kajian ini adalah untuk;

1. merangka satu polisi Pengecualian Jam Kredit berdasarkan kajian dokumen yang serupa dari IPTA/S dalam dan luar negara, dan
2. menilai apakah polisi yang dibina itu sudah cukup sesuai untuk diterimapakai oleh KUiTTHO


Pada hakikatnya objektif pertama tidaklah terlalu sukar untuk dicapai memandangkan usaha ini boleh dijalankan dan diputuskan sendiri oleh penyelidik dan dibantu oleh pensyarah pembimbing. Bagaimanapun objektif kedua pula agak sukar diukur, kerana memerlukan masa yang agak panjang dan melibatkan lebih ramai sampel khususnya di kalangan pembuat polisi dan keputusan universiti.

Oleh itu satu mekanisme kajian perlu dirangkakan agar tujuan kajian ini dapat dicapai dalam masa yang ada. Salah satu mekanisme ini adalah menetapkan satu kerangka teori yang mantap, di samping menemu bual responden yang pada umumnya terdiri daripada pegawai kanan universiti yang lazimnya memiliki agenda atau jadual kerja yang sangat ketat.

1.5 Kerangka Teori

Teori yang mendasari kajian ini bertitik tolak dari teori harapan. Menurut Slavin (1994) teori ini diasaskan oleh Edwards pada tahun 1954 dan kemudian diselidiki secara klasik oleh Atkinson dalam tahun 1964. Teori yang bersandarkan teori motivasi (Huitt, 2001) merumuskan bahawa tinggi atau rendah motivasi individu menginginkan sesuatu itu berkadaran terus dengan produk (hasil darab) antara andaian kemungkinan untuk berjaya dengan nilai insentif sekiranya berjaya. Teori harapan ini dijadikan kerangka utama bagi menjelaskan mengapa seseorang pelajar itu secara psikoanalitik tergerak untuk memohon pengecualian jam kredit. Penyelidik merasa mudah untuk menjelaskan fenomena ini apabila dilihat dari perspektif *self actualization* kerana pelajar yang masuk ke KUiTTHO adalah pelajar yang telah berjaya, sekurang-kurangnya pada peringkat sijil atau diploma politeknik yang dirasakan setaraf dengan diploma KUiTTHO.

Memandangkan semua responden yang dilibatkan dalam kajian ini terdiri daripada pegawai kanan KUiTTHO yang terlibat secara langsung di dalam membuat polisi dan keputusan universiti, maka teori membuat keputusan seperti yang dicadangkan oleh Haris (1998) turut dijadikan kerangka teori. Semua teori ini terikat dalam satu model ringkas yang diperlihatkan oleh Rajah 1.2



Rajah 1.2 : Hubungkait antara pelajar, KUITTHO dan polisi

Dari model di atas jelas dapat dilihat bahawa keperluan pelajar dan pelaksanaan polisi yang licin bergantung kepada ciri-ciri polisi itu sendiri. Sekiranya polisi itu ringkas tetapi, jelas dan lengkap maka tidak sukar bagi pelajar menganggarkan berapa kredit yang boleh mereka minta pengecualian. Dengan anggapan yang sama, pihak-pihak yang terlibat dengan proses pengecualian kredit seperti Penasihat Akademik, Ketua Jabatan, Timbalan Dekan, dan Pejabat Pengurusan Akademik dengan mudah mengambil keputusan ke atas permohonan pelajar. Amat jelas di sini bahawa mana-mana polisi yang dibina itu mestilah ringkas, jelas dan lengkap.

Atas dasar ini kajian ini dirasakan penting dan dibincang dalam bahagian seterusnya.

1.6 Kepentingan Kajian

Mana-mana polisi yang dibina itu adalah penting untuk difahami dan dihayati kerana ianya menjadi garis panduan dan kawalan bagi pelaksanaan misi KUiTTHO. Oleh itu prototaip polisi yang dihasilkan melalui kajian dokumen ini perlulah ditentusahkan baik dari segi kandungannya mahupun kepraktisannya oleh pegawai yang membuat keputusan dan polisi universiti. Kajian menilai prototaip polisi ini boleh dilihat sebagai usaha untuk:

1. menganggar kesesuaiannya digunakan oleh mana-mana jabatan di KUiTTHO sebagai panduan Pengecualian Jam Kredit bagi calon-calon pelajar Diploma dari Politeknik yang ingin memohon masuk terus ke pengajian di KUiTTHO.
2. panduan proses memohon Pengecualian Jam Kredit bagi calon-calon pelajar dari peringkat Diploma dari Politeknik yang memohon pengajian secara terus di KUiTTHO.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, mudah bagi penyelidik menghasilkan suatu polisi semata-mata berasaskan pembacaan. Namun adalah sukar sesuatu polisi yang terbina itu dinilai secara objektif, apatah lagi apabila polisi itu dicadangkan oleh seorang pelajar. Bagaimanapun bagi penyelidik ini adalah satu cabaran yang perlu dihadapi dengan tabah, kerana sesungguhnya idea yang dicadangkan adalah murni dan terlepas daripada kepentingan peribadi. Bagi penyelidik yang penting adalah membina pengalaman melalui latihan menyelidik, yang satu masa nanti dapat digunakan bagi mengembangkan profesion sebagai pendidik.

Sekiranya prototaip polisi ini gagal diterimapakai oleh KUiTTHO, maka penting bagi penyelidik untuk mengetahui apakah kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Bagi menjamin keesahan kajian, maka skop dan had-had kajian dibincangkan dalam bahagian berikut ini.

1.7 Batasan Kajian

Bagi menjamin bahawa kajian ini adalah sah dan boleh dipercayai maka had-had atau batasan kajian ditetapkan. Di antara batasan-batasan kajian yang dikenalpasti dan ditetapkan adalah seperti berikut.

1. Kajian hanya dilakukan di KUiTTHO menggunakan sampel daripada populasi pegawai kanan selaku penggubal polisi dan pembuat keputusan di KUiTTHO.
2. Responden ditemu bual hanya dengan mengemukakan soalan-soalan yang berstruktur dan terhad kepada kejelasan carta alir, kepentingan borang permohonan dan menganggar ketepatan kandungan.
3. Polisi yang dibina hanya tertumpu kepada Polisi Pengecualian Jam Kredit.

Walau masih banyak lagi batasan kajian yang tersirat, bagaimanapun sebagai panduan, pemfokusan khusus diberi kepada tiga perkara yang disebutkan di atas. Seterusnya bagi menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan tajuk kajian ini, maka berikut akan dibincangkan secara umum takrifan operasionalnya sahaja.

1.8 Definisi Operasional

Berlandas kepada objektif dan dihadkan pula oleh batasan kajian, maka menjadi harapan penyelidik agar tidak timbul salah tafsir dikalangan pembaca akan peristilahan yang digunakan dalam kajian yang bertajuk:

Satu Kajian Kualitatif Dalam Pembinaan Polisi Pengecualian Jam Kredit Suatu Panduan Umum Untuk Pelajar Diploma Dari Politeknik Yang Memohon Masuk Secara Terus Ke Peringkat Pengajian Sarjana Muda Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Dalam konteks kajian ini, pembinaan polisi itu sendiri merupakan sintesis daripada kajian yang dilakukan ke atas polisi serupa yang ditawarkan oleh beberapa buah IPTA/S dalam dan luar negara. Kelemahan dan kekuatan masing-masing polisi dianalisis secara mendalam, dan dalam beberapa kes tertentu penyelidik sempat berbual-bual dengan pegawai terlibat semasa mengumpulkan bahan (iaitu polisi) itu sendiri. Pada umumnya sesuatu polisi itu merupakan dokumen rasmi dan tertakluk kepada Akta Dokumen Rasmi, maka adalah sukar bagi penyelidik untuk mendapatkan lebih banyak bahan sebagai perbandingan. Bagi mengatasi kekurangan ini, penyelidik menggunakan teknologi internet untuk mendapatkan dokumen tersebut khususnya dari luar negara. Pendekatan secara *front end analysis* yang dilakukan penyelidik memungkin satu draf (prototaip) polisi dihasilkan. Pendekatan sebegini lazimnya digunakan untuk membina suatu sistem instruksional seperti yang dicadangkan oleh Finch & Crunkilton (1999).

Pada hakikatnya kajian ini tidak sahaja membina tetapi mengambil satu langkah ke hadapan iaitu menilai apakah draf dokumen ini sah ditinjau dari aspek kandungan. Oleh itu beberapa pegawai kanan yang lazimnya terlibat secara langsung dalam penggubalan polisi dan membuat keputusan dipilih untuk bekerjasama di dalam memberi penilaian terhadap draf ini. Seharusnya lebih ramai sampel digunakan, akan tetapi prosidur kajian kualitatif membenarkan penyelidik untuk memilih sebilangan kecil sampel sahaja. Langkah ini diambil kerana tujuan kajian bukanlah untuk pengitlakan, mencari dan atau menjelaskan fenomena sebab dan akibat. Kajian kualitatif ini dipilih bukan semata-mata disebabkan bilangan sampel yang kecil untuk memudahkan analisis data, tetapi disebabkan dalam mana-mana proses penggubalan sesuatu polisi sememangnya tidak ramai pakar-pakar yang terlibat. Di samping itu dengan teknik kajian ini lebih memudahkan penyelidik menganalisis idea yang dicadangkan itu secara mendalam, bukan setakat menjawab soalan-soalan terhad yang lazim didapati dalam sesuatu soal selidik.

Bersabit dengan permohonan untuk mendapatkan pengecualian jam kredit, seseorang pelajar yang membuat permohonan itu perlu memahami apakah yang dimaksudkan dengan pengecualian, dan apa pula yang dimaksudkan dengan jam kredit. Walaupun kata pengecualian itu adalah umum, tetapi dalam konteks kajian yang bersabit dengan sistem pendidikan tinggi, tidak semua mata pelajaran yang ditawarkan oleh sesebuah universiti itu boleh dikecualikan. Ini bergantung kepada polisi universiti itu sendiri. Bahkan ada mata pelajaran **wajib universiti** yang tertakluk kepada arahan Kementerian Pendidikan, contohnya mata pelajaran berunsurkan Agama Islam dan Pendidikan Moral. Di peringkat fakulti pula, terdapat pula mata pelajaran wajib fakulti yang tertakluk kepada syarat pengakreditasi badan-badan profesional seperti Institut Jurutera Malaysia atau Badan Jurutera Malaysia, Institut Perubatan Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru dan sebagainya. Oleh itu mata pelajaran sebegini tidak boleh dikecualikan. Pengecualian Jam Kredit ini lazimnya diberi hanya diperingkat mata pelajaran yang ditawarkan oleh sesuatu jabatan bergantung kepada program yang dipilih. Namun demikian pengecualian ini hanya diberi atas dasar kriteria-kriteria yang telah ditetapkan bagi menjamin mutu program itu sendiri.

Lazimnya pelajar lulusan diploma politeknik yang ramai masuk ke KUiTTHO terkeliru atau tidak menyedari maksud sebenar **Jam Kredit**. Menurut buku Panduan Akademik, jam kredit adalah pemberatan yang mewakili jam pertemuan (*contact hours*) dalam sesuatu minggu. Pemberatan ini juga berbeza mengikut jenis mata pelajaran atau aktiviti yang perlu dijalankan oleh pelajar. Contohnya, satu kredit adalah sama dengan satu jam perkuliahan, tetapi dua jam untuk kerja-kerja amali di makmal, studio atau bengkel. Pemberatan ini juga mewakili jam pelajar belajar di luar waktu kuliah yang lazimnya adalah dua kali jam pertemuan. Walau pada dasarnya kajian ini tidak menganalisis aspek ini secara mendalam dan terperinci, akan tetapi ianya digunapakai secara bebas dalam mengadaptasi polisi KUiTTHO yang sediada.

Pembahasan teori dan penganalisan model-model polisi yang sediada dari IPTA/S dalam luar negara bagi membantu untuk disintesisikan dalam bentuk draf polisi akan dibincangkan dalam Bab 2 seterusnya.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, sejarah ringkas Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) akan diterangkan. Melalui pendekatan ini, dapat ditekankan bahawa satu prosidur harus disediakan untuk memudahkan urusan pengambilan dan pengurusan calon-calon pelajar Diploma dari Politeknik yang ingin membuat pengecualian jam kredit bagi pengajian secara terus di KUiTTHO. Sorotan kajian turut dimuatkan dengan membincangkan takrifan Polisi dan Pengecualian Jam Kredit dengan jelas. Disamping itu, turut dibincangkan faktor-faktor pelajar Diploma ingin melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dan cara mengambil keputusan oleh pihak KUiTTHO dan pelajar dalam proses permohonan pengecualian jam kredit. Jaminan Kualiti yang diberikan KUiTTHO kepada *stakeholders* yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak-pihak Industri. Teori Harapan dikaitkan dikalangan pelajar Diploma dari Politeknik dan *stakeholders*, strategi pembinaan polisi dengan mengkaitkan Teori Beralas dan proses *benchmarking* untuk menghasilkan polisi bermutu.

2.2 Sejarah Ringkas Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUiTTHO)

KUiTTHO pada asalnya merupakan sebuah Politeknik. Walaubagaimanapun, Pada 16 September 1993, Politeknik ini secara rasminya telah ditukarkan menjadi Pusat latihan Staf Politeknik (PLSP). PLSP ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Hj. Daud, Menteri Pendidikan Malaysia.

Bagi mengiktiraf peranan pusat ini dan menyedari kemampuan sumber manusia dan peralatan yang lengkap bagi menghasilkan graduan di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan dan Sarjana dalam bidang Pendidikan dan Kejuruteraan, maka pusat ini telah ditukar kepada Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 12 April 1996.

Penukaran nama pusat ini telah diumumkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia. Pada 30 September 2000, Yang Berhormat Tan Sri Musa bin Muhamed, Menteri Pendidikan Malaysia telah mengumumkan kenaikan taraf ITTHO sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn atau KUiTTHO.

Visi KUiTTHO ialah "Berazam menerajui aplikasi sains dan teknologi untuk kemakmuran sejagat".

Misi KUiTTHO pula ialah "Untuk melahirkan dan melatih ahli teknologi dan profesional yang kreatif, inovatif, kompeten dan bertanggungjawab serta mampu mengaplikasi, meneroka dan menerajui teknologi baru melalui pengajaran dan penyelidikan bertaraf dunia yang bertunjangan konsep tauhid untuk kesejahteraan sejagat".

KUiTTHO yang menjalankan program akademik di peringkat Diploma Kejuruteraan, Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang-bidang Pendidikan dan Kejuruteraan mempunyai enam objektif yang utama iaitu :



- Melahirkan tenaga profesional dan separa profesional yang terlatih dalam bidang kejuruteraan dan pendidikan serta berdaya saing dan berhemah tinggi selaras dengan keperluan negara.
- Memastikan mutu pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan sentiasa berada di tahap yang tinggi.
- Menganjur dan menjalankan seminar, kursus pendek dan persidangan.
- Melaksanakan usaha penyelidikan dan perundingan
- Memberi khidmat masyarakat
- Membantu industri ke arah peningkatan dan perkembangan profesionalisme sumber manusia
- Menyebarkan maklumat melalui penerbitan

2.3 Takrifan Polisi Pengecualian Jam Kredit

Penyelidik mentakrifkan Polisi dan Pengecualian Jam Kredit secara berasingan untuk mendapatkan makna yang jelas.

2.3.1 Takrif Polisi

Menurut (James dan John, 1995), Polisi adalah merujuk kepada pernyataan yang didokumenkan sebagai panduan kepada urusan pengurusan dan kepada pekerja dalam menghadapi pelbagai keadaan.

Menurut (Guba, 1984), beliau mengenalpasti polisi melalui lapan konsep umum iaitu :

1. Polisi merupakan pernyataan matlamat.
2. Polisi merupakan gabungan komponen dalam membuat keputusan. Gabungan tersebut terdiri daripada peraturan, pengawalan, penyelenggaraan, perkhidmatan dan dipengaruhi lingkungan bidang kuasa.
3. Polisi adalah panduan untuk bertindak mengikut pertimbangan sendiri.
4. Polisi merupakan satu bentuk strategi dalam menyelesaikan atau memperbaiki sesuatu masalah.
5. Polisi merupakan satu ciri yang memberikan hak bagi seseorang untuk melakukan sesuatu.
6. Polisi adalah satu bentuk pelaksanaan yang konsisten dan teratur pada sesuatu pindaan yang telah dilaksanakan.
7. Polisi adalah hasil daripada sistem pembinaan polisi.
8. Polisi adalah kesan daripada pembinaan dan pelaksanaan sistem polisi yang diterangkan kepada pelanggan.

Polisi digunakan sebagai penentu kualiti dan nilai. Ia penting sebagai satu garis panduan umum kepada sesebuah organisasi dalam membuat cadangan dan keputusan. Perancangan satu polisi yang teliti dan terperinci akan menyebabkan proses pengurusan dapat dilaksanakan dengan penuh yakin. Setiap wakil yang membuat keputusan akan memastikan tindakan yang diambil adalah sejajar dengan polisi.

2.3.1.1 Tujuan Polisi

Terdapat beberapa sebab Pembinaan Polisi penting :

- i. Menurut (Daniel dan Robert, 1991), Polisi penting untuk tindakan rasmi yang diambil oleh pihak kawasan atau sekolah untuk tujuan menggalakkan atau menjadi satu keperluan yang konsisten dan teratur.

2.3.2 Takrif Pengecualian Jam Kredit

Menurut Garis Panduan Dan Peraturan Akademik KUiTTHO Pengecualian Jam Kredit ialah pengecualian sebahagian keperluan kredit untuk pengijazahan yang diberi berdasarkan kelayakan yang sedia ada iaitu Sijil atau Diploma atau Ijazah atau Pengalaman yang dikenalpasti sebagai setaraf Sijil, Diploma dan Ijazah KUiTTHO. Pengecualian jam kredit merupakan kredit pindah yang diberi semasa proses permohonan masuk ke sesuatu kursus pengajian berdasarkan pencapaian mata pelajaran berkaitan. Jumlah kredit yang diberi pengecualian dinyatakan semasa pendaftaran kursus pengajian.

2.3.2.1 Tujuan Pengecualian Jam Kredit :

Terdapat beberapa sebab Pengecualian Jam Kredit ditawarkan kepada pelajar yang memohon untuk melanjutkan pengajian secara terus ke peringkat Ijazah. Iaitu :

- i. Menggalak dan menjayakan dasar mobiliti pelajar.

- ii. Meningkatkan pengajian pelajar. Melalui pengurangan jam kredit dan jumlah semester pengajian.
- iii. Membolehkan pelajar yang telah terdedah kepada mata pelajaran-mata pelajaran asas di tempat pengajian dulu untuk memberi tumpuan kepada mata pelajaran-mata pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.
- iv. Sebagai strategi jangka panjang universiti untuk menarik lebih ramai calon-calon lepasan Diploma untuk melanjutkan pengajian mereka di universiti mereka.

2.4 Mengapa Pelajar Diploma Ingin Melanjutkan Pengajian ke Peringkat Lebih Tinggi ?

Terdapat beberapa sebab mengapa pelajar Diploma ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Berikut merupakan beberapa sebab :

2.4.1 Peluang Melanjutkan Pengajian

Sepuluh tahun kebelakangan ini, pertumbuhan Institut-Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) maupun Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Jika dibandingkan pada masa lalu sekitar tahun 1960-an' pusat-pusat pengajian di negara ini amatlah kurang sehingga hanya mereka yang mempunyai kewangan yang kuat serta stabil dan mereka yang benar-benar pandai sahaja dapat melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi itupun ke luar negara.

Namun demikian pada masa sekarang dengan adanya institut-institut pengajian tempatan yang berkualiti dan dalam bilangan yang berpatutan, dapat memberi peluang ramai pelajar-pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

2.4.2 Mendapat Gelaran

Pernyataan pertanyaan Menteri Pendidikan Nasional Indonesia Abdul Malik Fadjar, "Apakah masuk pascasarjana hanya sekadar untuk menambah dua-tiga huruf pada nama?" Gelaran akademik sering dipertontonkan sebagai kebanggaan yang eksklusif dan enigmatik. Perkara ini sering berlaku dimana terdapat para tokoh merasa kehilangan kebanggaan dan harga diri kalau gelarnya (akademik, feodalistik) tidak diletakkan.

(Ronald, 1976) dalam bukunya *Diploma Disease: Education, Qualification and Development* mengatakan bahwa sekolah pada awalnya adalah untuk mendidik orang bagi perkembangan fikiran dan kelakuan. Namun demikian, ia telah berubah menjadi tempat 'pencarian kualifikasi'. Tuntutan dunia kerja juga lebih menggantungkan penilaian pada Sijil, Ijazah, dan Gelaran. Maka tidak heran bila tujuan dan motivasi seseorang melanjutkan pendidikan pun berubah, bukan untuk memahami ilmu pengetahuan tapi lebih kepada mendapatkan ijazah dan gelaran seperti yang diungkapkan dalam penelitian Dore tersebut. Penelitian ini dilakukan dalam waktu 1950-an sampai 1970-an di Jepang, Srilanka, Kenya, dan beberapa negara dunia ketiga. Pada masa itu gejala *diploma disease* diistilahkan sebagai *credentialisme* dan *diplomaisme*, penghargaan yang terlalu tinggi kepada selebar kertas yang disebut ijazah atau diploma.

2.4.3 Kenaikan Pangkat Lebih Mudah

Sikap manusia yang begitu memuliakan dan memandang tinggi mereka yang mempunyai kelulusan tinggi adalah salah satu lagi faktor mengapa ramai pemegang Diploma berlumba-lumba melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Misalnya, mereka yang mempunyai lulusan sekolah menengah kejuruteraan yang mungkin lebih memiliki kemampuan dan keterampilan yang diperlukan, namun mereka akan tewas apabila bersaing dengan mereka yang memegang Ijazah. Disamping itu juga, peluang untuk kenaikan pangkat lebih berpihak kepada mereka yang mempunyai pendidikan yang lebih tinggi.

2.4.4 Pengaruh Lebih Kuat

Selain implikasi kepangkatan dan penghargaan yang diperolehi di tempat kerja, mereka yang mempunyai lulusan yang lebih tinggi juga mempunyai pengaruh yang besar bagi kehidupan kemasyarakatan. Maka tidak heran jika penampilan mereka menjadi ikutan masyarakat lingkungannya. Kehadiran mereka secara ekonomi juga sering menyilaukan mata. Ini sebagian dari akibat 'positif' di mana mereka lebih berpengaruh dalam menjalankan projek bantuan luar negeri dan anggaran budget yang selalunya begitu longgar mekanisme kawalannya.



2.4.5 Perlengkapan Diri

Provos Institut Teknologi Mara (ITM) Cawangan Sarawak, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Deen berkata, budaya ilmu penting dalam mewujudkan masyarakat yang beretika, bermoral dan berakhlak tinggi. Dalam menghadapi tribulasi perjuangan alaf baru, adalah mustahak untuk belia mempunyai ciri-ciri seperti memiliki rancangan masa depan, mengutamakan pendidikan dan pembentukan peribadi, mementingkan ilmu dalam setiap tindakan, mahir dan cekap dalam pelbagai bidang.

“Oleh itu, sebelum melangkah ke dunia pekerjaan, pelajar harus melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan agar dapat menangani apa jua cabaran serta permasalahan yang mungkin timbul.”

(Utusan Sarawak : 13 Februari 2000)

2.4.6 Kelebihan Persaingan

Timbalan Provos Hal Ehwal Pelajar (HEP), Encik Mustapha Mohd. Zen berkata, program-program yang disediakan di institusi-institusi pengajian tinggi adalah diadakan untuk menyediakan bakal-bakal graduan menghadapi dunia luar dan memberi kelebihan daya saing berbanding graduan daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain. Program-program yang dijalankan mampu memberi peluang kepada bakal-bakal graduan untuk mendapatkan kemahiran serta pengetahuan yang lebih baik dalam aspek penulisan dan surat permohonan kerja dan tips menghadiri temuduga.

“ Walaupun kita sedang dibelenggu kegawatan ekonomi, saya harap ia tidak mematahkan semangat pelajar untuk bersaing mendapat kerjaya yang diidamkan ataupun melanjutkan pelajaran ke IPT,” ujarnya.

(Utusan Sarawak : 13 Februari 2001)

2.5 Membuat Keputusan (*Decision Making*)

Manusia membuat keputusan sepanjang masa dalam sedar atau tidak sedar. Dalam projek ini, pihak KUiTTHO perlu membuat keputusan sama ada menerima, mempertimbangkan atau menolak permohonan pengecualian jam kredit oleh pelajar. Manakala, pelajar membuat keputusan untuk memohon pengecualian jam kredit di KUiTTHO setelah memikirkan sebab-sebab bernas mengapa keputusan tersebut harus diambil.

Menurut (Harris, 1998), Membuat Keputusan merupakan satu proses mengenalpasti, menilai dan memilih alternatif yang terbaik daripada alternatif – alternatif yang dicadangkan.

Berdasarkan Rajah 1.2 iaitu Kerangka Teori yang dicadangkan oleh penyelidik menunjukkan hubungkait antara KUiTTHO, pelajar dan polisi. Jelas di sini menunjukkan polisi merupakan panduan membuat keputusan bagi KUiTTHO dan pelajar.

RUJUKAN

Buku :

Black, J. A., & Champion, D.J (1976). *Methods and issues in social research*. New York : Wiley

Curtis R. Finch, John R. Crunkilton (1999). *Curriculum Development in Vocational and Technical Education : Planning, Content and Implementation*, (5th ed.). Needham Heights: Allyn & Bacon.

Daniel L. Duke dan Robert Lynn Canady (1991). *School Policy*. New York : Mcgraw Hill.

Hairuddin Mohd Ali, Muhammad Bustaman Hj. Abdul Manaf dan mohd Al Shaari Mohd Ramli (1999). *Panduan Ringkas Pেমবুহান Dan Perlaksanaan Sistem Kualiti MS ISO 9000 Dalam Organisasi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distribution Sdn. Bhd, Terbitan Pertama 1999.

James Cortada, John Woods (1995). *Encyclopedia of Quality Terms and Concepts*. Utah : McGraw Hill.

Johnston, J. M. & Pennypacker, H. S. (1980). *Strategies and tactics of human behavioural research*. Hillsdale, NJ : Lawrence Erlbaum Associates.

Kerlinger, F. (1964). *Foundations of behavioural research*. New York : Holt.

Langgulong H. (1987). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta : Pustaka al-Husna.

Lehner, P. N. (1979). *Handbook of ethological methods*. New York : Garland, STPM Press.

Slavin, R. E., (1994). *Educational Psychology : Theory Into Practice* (4th ed.). Massachusetts : Allyn and Bacon.

Strauss. A dan J. Corbin, (1990). *Basic of Qualitative Research : Grounded Theory Procedures and Techniques*. Newbury Park : Sage Publications.

Wainer, H., & Braun, H. I. (1988). *Test validity*. Hilldate, NJ : Lawrence Earlbaum Associates.

William Wiersma, (1995). *Research Methods Educations An Introduction* (6th ed.). Chesnut Hill Enterprises, Inc.

Kamus Dwibahasa DB Pustaka, 1990. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akbar :

(13 Februari 2000). "*Perlengkapkan Diri Dengan Ilmu Pengetahuan Sebelum Melangkah Ke Alam Pekerjaan*".

: Utusan Sarawak

(13 Februari 2001). "*Kegawatan Ekonomi Bukan Alasan*".

: Utusan Sarawak

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Jurnal :

Egon G. Guba. "*The Effect of Definition, of Policy on the Nature and Outcomes of Policy Analysis*". Educational Leadership, October 1984, pp. 63-70.

Buletin Kementerian Pendidikan. Jilid 2. Bil 2, Mei-Ogos 1995. Kuala Lumpur :
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hammersley, M. (1987). Some notes on the terms 'validity' and 'reability'. *British Educational Research Journal*, 13 (1), 73-81.

Skudai Post. '*Pendidik dan Profesionalisme*'. Skudai : Universiti Teknologi
Malaysia.

Internet :

W. Huiitt, (2001, April). Motivation. Retrieved July 21, 2002 dari
<http://chiron.valdosta.edu/whuitt/col/motivation/motivate.html>

Robert Harris, (1998, July 2). Introduction to Decision Making. Virtual Salt.
Retrieved July 22, 2002 dari <http://www.virtualsalt.com/crebook5.html>

Rob McBride dan John Schostak, (2000). An Introduction To Qualitative Research.
Retrieved July 23, 2002
dari <http://www.uea.ac.uk/care/elu/Issues/Research/Res1Cont.html>

Russell Madden. Expectation, Value and Groups. Retrieved July 24, 2002
http://home.earlink.net/~rdmadden/webdocs/Expectations_Values_Gr.html

Peluang Pekerjaan. Retrieved April 28, 2002 dari
<http://www.digiworld.com.my/kerjaya/career/ark044.htm>



PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Pengecualian Jam Kredit UiTM, Retrieved April 28, 2002 dari
<http://www.uitm.edu.my/academic/heafaq.html>

Persepsi Terhadap Kompetensi Pensyarah Dalam Pengajaran . Satu Kajian Di
Sebuah Maktab Perguruan. [http://www.
Webcastmy.com.my/unimasresearchgateway/thesis/thesis_0010/bab_2htm](http://www.Webcastmy.com.my/unimasresearchgateway/thesis/thesis_0010/bab_2htm)

Office of Undergraduate Programs, The University of Tulsa.
<http://www.cba-webmaster@utulsa.edu>

Resource Papers In Action Research.
<http://www.scu.edu.au/schools/gcm/ar/arp/grounded.html>

Taraf Dunia dan Cabaran, <http://members.tripod.com/~sarjana/taraf1.html>

Transfer Credit Policies, IOWA State University,
http://www.iastate.edu/~adm_info/transfer-policies.html

Transfer Credit Policies, Washington University,
<http://www.washington.edu/students/uga/transfer/trcrweb.html>



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN KU TUN AMINAH